

08/06/2000

Buruk baik pembinaan sirkit F1 di Bali

Johari Mohamed

BAYANGKAN pelumba Formula 1, Michael Schumacher dan Mika Hakkinen bersaing di Bali? Pekikan enjin kereta mereka pasti mengoyak keheningan pulau yang menjadi tarikan pelancong dari seluruh dunia itu.

Ia akan menjadi kenyataan jika keinginan bekas pelumba kereta Indonesia, Tinton Suprpto untuk membina sirkit Formula 1 itu terlaksana. Yang jelas beliau serius untuk melaksanakannya dan hanya waktu akan menentukan.

Tinton mengakui beliau sudah mendapatkan pelabur dari Amerika Syarikat, Global Equity Alliance yang memberi jaminan membiayai pelaksanaan sirkit berkenaan.

Syarikat itu berjanji menyediakan peruntukan AS\$70 juta (RM28 bilion) untuk membina sirkit yang menjadi idaman peminat sukan Formula 1 di Indonesia. Jika semuanya berjalan lancar, pembinaan sirkit itu akan dilaksanakan Ogos ini.

Projek itu dijangka siap dalam tempoh dua tahun sebelum ia menjadi satu lagi sirkit Formula 1 untuk pelumba beradu nasib. Tinton optimis dengan adanya perlumbaan itu, ia akan membawa banyak faedah kepada Indonesia.

"Sekurang-kurangnya 200,000 hingga 400,000 penonton dari luar negara akan hadir untuk menyaksikan perlumbaan itu. Ini bererti wang kepada negara," katanya.

Bagi mewujudkan impian untuk membangunkan sirkit itu, Tinton memilih kawasan seluas 360 hektar di daerah Jembarana, kira-kira 100 kilometer dari Denpasar, ibu kota Bali. Ini kerana daerah itu paling sedikit didatangi pelancong berbanding daerah lain.

Perlumbaan Formula 1 akan menarik minat pelancong berkunjung ke daerah berkenaan. Di samping menyaksikan perlumbaan itu, pelancong akan mengambil kesempatan meninjau ke daerah berkenaan dan sekali gus memberi pendapatan tambahan kepada penduduknya.

Malah, Pegawai Daerah Jembarana, Ida Bagus Indugosa berminat dengan pembangunan sirkit berkenaan kerana ia akan memberi peluang kepada penduduk untuk menambah pendapatan.

"Dengan adanya sirkit berkenaan pelbagai kemudahan akan dibangunkan di Jembarana seperti hotel, kedai dan restoran. Ini akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk," katanya.

Di samping itu, katanya, penduduk boleh menjual hasil kraftangan Bali yang selama ini diminati pelancong yang datang ke pulau berkenaan.

Bagaimanapun, ada juga pihak yang tidak bersetuju dengan pembinaan sirkit berkenaan. Seorang daripadanya ialah tokoh masyarakat Bali, Profesor Luh Ketut Suryani.

Beliau melihat pembinaan sirkit itu akan menyebabkan lebih banyak unsur luar masuk terutama tenaga kerja. "Masyarakat Bali akan kalah bersaing dengan pendedag kerana sirkit itu menggunakan teknologi tinggi yang kurang dikuasai penduduk," katanya.

Luh Ketut menilai akan lebih banyak kerugian berbanding manfaat yang bakal dirasakan penduduk Bali khususnya Jembarana. Selain beliau, turut membantah pembinaan sirkit itu ialah Kordinator Sekretariat Kerja Penyelamat dan Alam Sekitar Bali, Mede Mangku.

"Mahu dibawa ke mana sektor pelancongan Bali. Selama ini, konsep pelancongan Bali ialah budaya, sedangkan sirkit Formula 1 jelas tidak ada urusan sama sekali dengan budaya," katanya.

Beliau bimbang dengan adanya sirkit itu akan menyebabkan banyak sawah penduduk diambil dan ia akan mewujudkan kemiskinan. Sirkit itu tidak

banyak membantu penduduk mendapatkan pekerjaan.

"Lagi pun, perlumbaan hanya diadakan setahun sekali. Jika bertani ia dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga kali setahun," jelasnya. Padi adalah tanaman utama penduduk Bali selama ini.

Selain itu, beliau melihat dengan adanya sirkit itu akan memunculkan semula idea pembinaan jambatan menghubungkan tanah Jawa dan Bali yang pernah mendapat bantahan penduduk kerana tidak mahu pengaruh luar masuk ke pulau berkenaan.

"Saya khuatir budaya Bali akan rosak apabila budaya luar menguasai penduduk," tegasnya.

Kerajaan Indonesia membatalkan cadangan pembinaan jambatan menghubungkan Jawa dan Bali pada 1980-an kerana bantahan penduduk. Alasan penduduk jambatan itu akan membawa masuk budaya luar yang boleh merosakkan budaya Bali.

Bagaimanapun, Ida Bagus memberi jaminan, sirkit itu tidak akan merosakkan budaya Bali. Beliau melihat budaya pelumba dalam Formula 1 sama dengan budaya Makepung yang diamalkan masyarakat Jembarana.

Dalam kesenian Makepung, masyarakat mengadakan perlumbaan lembu yang dipacu seorang joki menggunakan kereta lembu. Ia diadakan di kawasan sawah yang tidak digunakan lagi.

"Budaya Makepung tidak banyak bezanya dengan perlumbaan di sirkit," katanya.

Ketua Bahagian Pengendali Penduduk, R Sudirman yang bertanggungjawab menjaga pentadbiran Bali, Nusa Tenggara Barat dan Nusa Tenggara Timur menyokong pembinaan sirkit Formula 1 itu.

Bagaimanapun, beliau menegaskan semua pihak perlu memastikan budaya Bali dipertahankan dan sirkit itu memberi manfaat kepada ekonomi.

"Jika pembinaan sirkit itu tidak menjejaskan budaya Bali dan memberi pendapatan kepada negara ia wajar dilaksanakan," katanya.

Bagi warga Jakarta, sirkit itu wajar dilaksanakan kerana sudah sampai masanya Indonesia menempatkan diri mereka sebagai salah satu pengajur Formula 1 Asia selepas Malaysia dan Jepun.

"Jika Malaysia boleh, mengapa tidak Indonesia," kata pegawai bank, Sutiyono.

Beliau menegaskan, Bali sesuai diadakan sirkit itu kerana ia kawasan pelancongan terkenal di dunia.

Bagaimanapun, beliau berharap Kerajaan Indonesia pimpinan Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur menyokong projek berkenaan. "Tanpa sokongan kerajaan ia sukar dilaksanakan," katanya.

Sutiyono memberi contoh Malaysia yang berjaya menjadi pengajur Formula 1 kerana ia mendapat sokongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. "Tanpa sokongan Dr Mahathir, saya percaya Formula 1 tidak akan wujud di Malaysia," katanya.

Ada pihak menilai keinginan Indonesia membina sirkit itu kerana cemburu kepada kejayaan Malaysia menganjurkan perlumbaan berprestij itu.

Bagaimanapun, ia tidak mungkin dilaksanakan untuk tempoh beberapa tahun ini kerana Indonesia masih belum keluar daripada krisis ekonomi.

Penganalisis ekonomi berpendapat, kerajaan kini perlu menumpukan perhatian kepada pemulihan ekonomi kerana ia lebih penting daripada yang lain. Hasrat untuk membina sirkit Formula 1 itu perlu ditangguhkan dulu.

Tidak kurang pula berpendapat sirkit itu perlu dibina di Jakarta yang kini mempunyai sirkit Sentul. Yang perlu sirkit yang ada diubah suai untuk menepati kehendak antarabangsa.

Bagaimanapun, sehingga ini belum ada reaksi daripada kerajaan mengenai projek berkenaan. Yang jelas, pertarungan antara yang menolak dan menerima pembinaan sirkit itu akan berterusan. Hanya kerajaan yang boleh memastikan impian itu terlaksana atau sebaliknya.

( END )